



JABATAN PERDANA MENTERI
AGensi PENGURUSAN BENCANA NEGARA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

NADMA BEKERJASAMA DENGAN SYARIKAT TELEKOMUNIKASI MALAYSIA UNTUK SEBARAN SMS AMARAN BANJIR

PUTRAYAJA, 15 November 2024 – Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), serta syarikat-syarikat telekomunikasi negara bagi mewujudkan sistem hebahan amaran awal banjir melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS).

Inisiatif ini bertujuan untuk memberikan amaran awal kepada penduduk di kawasan yang diramal berisiko banjir, agar mereka dapat mengambil langkah berjaga-jaga atau berpindah ke kawasan selamat.

Syarikat telekomunikasi yang memberikan kerjasama adalah CelcomDigi, Maxis, UMobile, TM/Webe, YTL, Time, DNB, XOX (Rangkaian Celcom), Tune Talk, redONE Network, BeONE Network (Rangkaian Celcom), Valyou/HelloSim Network (Rangkaian Celcom). Kesemua syarikat telekomunikasi yang terlibat telah bersetuju untuk menanggung sepenuhnya kos hebahan SMS ini sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) masing-masing.

Syarikat telekomunikasi ini akan mendapat notis awal dari Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC), NADMA iaitu sebuah pusat pemantauan dan koordinasi pengurusan bencana yang beroperasi 24 jam setiap hari. Sebaran SMS dan *flash broadcast* ini dilakukan secara bersasar kepada penduduk di kawasan yang berhadapan dengan risiko banjir setelah NDCC menerima amaran banjir daripada JPS.

Menurut Datuk Khairul Shahril bin Idrus, Ketua Pengarah NADMA, pelbagai langkah awal telah diambil bagi menghadapi sebarang kemungkinan berlaku bencana banjir dengan membuat penyelarasan pengurusan bencana bersepadu di peringkat daerah dan negeri dan salah satu aspek kesiapsiagaan yang perlu diberi perhatian adalah elemen komunikasi.

“Syarikat telekomunikasi ini akan membantu membuat sebaran nasihat dan amaran banjir secara percuma. Perkhidmatan ini amat penting untuk menimbulkan kesedaran dalam kalangan komuniti yang terbabit untuk membuat persediaan segera”, tambah beliau.

Memahami bahawa liputan rangkaian telekomunikasi sememangnya penting terutamanya semasa bencana alam, pihak syarikat telekomunikasi juga telah siap membuat pemerkasaan tapak stesen pemancar di 442 lokasi setakat bulan Oktober 2024. Sebagai penambahbaikan, NADMA mengingatkan semua syarikat telekomunikasi agar sentiasa memantau tapak-tapak menara telekomunikasi yang berada di kawasan berisiko tinggi serta menyediakan penjana kuasa dan stesen pemancar pangkalan mudah alih supaya dapat mengurangkan gangguan perkhidmatan.

Pada musim Monsun Timur Laut (MTL) kali ini, kesemua syarikat telekomunikasi telah bersetuju untuk menambah baik info dalam SMS Amaran Banjir bagi memudahkan orang ramai untuk memahami situasi banjir di kawasan masing-masing. Berikut adalah contoh SMS yang akan diterima oleh orang ramai **“NADMA: Banjir dijangka di kampung2 di Daerah Sik mulai 6.00 petang sehingga 11.00 malam, 28/10/2024. Layari portal bencana NADMA untuk info lanjut”**

Kerjasama strategik antara Kerajaan dan syarikat telekomunikasi yang telah terjalin sejak 2017 terbukti berkesan ketika musim MTL sebagai salah satu kaedah penyampaian amaran awal, khususnya kepada mangsa-mangsa bencana di kawasan berisiko banjir. Ini sekaligus memperkukuhkan usaha pengurusan dan pengurangan risiko bencana di Malaysia. Sepanjang MTL 2023/2024 yang lalu, sebanyak 5,033,286 hebahan SMS Amaran Banjir telah dikeluarkan oleh semua syarikat telekomunikasi kepada kumpulan sasar. Bermula pada tahun ini, hebahan banjir ini akan diteruskan sepanjang tahun dan tidak terhad kepada semasa MTL sahaja.

Pada tahun ini, JPS telah mengenal pasti sebanyak 4,619 lokasi hotspot banjir meliputi 152 buah daerah di seluruh negara. Oleh itu, bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku, orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa mengikuti perkembangan semasa serta mematuhi sebarang arahan untuk berpindah dari pihak berkuasa jika perlu. Ini amat penting sebagai langkah keselamatan agar dapat mengelakkan sebarang kemalangan jiwa.

Sebagai info, negara kini sedang mengalami keadaan cuaca yang lembab ekoran bermulanya musim MTL 2024/2025 pada 5 November 2024 yang lalu dan dijangka berlarutan sehingga bulan Mac 2025 seperti kenyataan yang dikeluarkan oleh MetMalaysia.

Bagi mendapatkan maklumat semasa mengenai situasi bencana, orang ramai dinasihati untuk melayari <https://portalbencana.nadma.gov.my/>

####

**Dikeluarkan oleh
Unit Komunikasi Korporat
Agensi Pengurusan Bencana Negara
15 November 2024**